

# Malaysia, China jalin kerjasama

Syarikat Malaysia dan China akan hasilkan produk sawit melibatkan pelaburan (FDI) RM6 bilion

**KUALA LUMPUR**

**S**yarikat-syarikat milik kerajaan China akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk mengeluarkan produk sawit di Malaysia melibatkan pelaburan langsung asing (FDI) bernilai RM6 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata produk sawit itu ialah minyak sayuran rawatan hidro (HVO) dan bahan api penerbangan mampan (SAF).

Beliau berkata syarikat dari China ialah Shanxi Construction Investment Group Co Ltd (SCIG) dan Institute of Coal Chemistry, Chinese Academy of Sciences



Ismail Sabri (dua dari kanan) ketika Majlis Perasmian Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia (MIACES) 2022 pada Selasa.

(ICC-CAS) manakala syarikat Malaysia terdiri daripada Pengerang Maritime Industries Sdn Bhd (Benalec) serta Sabah Oil and Gas Development Corporation (SOGDC).

"Usaha sama ini bakal menawarkan 1,000 peluang pekerjaan," katanya semasa berucap merasmikan Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia (MIACES) 2022 di sini, pada Selasa.

Beliau berkata pembinaan kilang HVO dan SAF pertama di

Malaysia ini merupakan antara inisiatif untuk memacu sektor sawit Malaysia ke arah industri berteknologi dan bernilai tinggi.

"Kerajaan akan terus menggalakkan FDI bagi mempelbagaikan produk agrikomoditi dengan nilai tambah tinggi," katanya.

Ismail Sabri berkata, beliau juga berharap agar sektor agrikomoditi dapat membantu negara menjana semula ekonomi dan mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat.

"Kerajaan sangat komited

dalam usaha memacu pembangunan sektor agrikomoditi agar lebih kukuh, berdaya saing dan berorientasikan pasaran bagi memenuhi agenda pembangunan sosioekonomi negara," katanya.

Beliau berkata walaupun pengeluaran minyak sawit jatuh ke tahap rendah akibat cuaca buruk namun sektor ini tetap teguh.

"Sehingga Februari tahun ini nilai komoditi eksport meningkat lima peratus RM31.6 bilion berbanding tempoh sama tahun



lepas.

"Menjelang akhir tahun lepas, sektor ini mencapai nilai perdagangan RM270.2 bilion iaitu kenaikan 39.7 peratus berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Menegeni MIACES 2022, Perdana Menteri berkata ekspo ini mampu menjadi platform mempromosikan produk dan teknologi berkaitan industri sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata kerajaan menyanahkan MIACES 2022 mampu menjana lebih RM300 bilion nilai eksport, sekali gus menjadi platform terbaik pemain agrikomoditi tempatan mengembangkan eksport ke pasaran baharu.

"Ekspo ini akan dihadiri oleh pengeluar hasil, inovator, pelaburan serta pengeksport dan pengimport hingga kepada penggubal dasar, penyelidik dan ahli akademik dari 39 buah negara," katanya. -Bernama